

Masyarakat prihatin bendung kes dera kanak-kanak

Muhammad
Amirul Anwar
Jamaluddin,
Ipo, Perak

Kes penderaan kanak-kanak tidak seharusnya berlaku. Justeru, setiap kali berita begini dilaporkan, ia melahirkan kebimbangan semua pihak. Apatah lagi jika ia membabitkan ibu bapa atau penjaga mereka.

Umum mengetahui bahawa kanak-kanak diiktiraf sebagai kunci kehidupan, pembangunan dan kemakmuran negara. Akta kanak-kanak menyatakan bahawa kelompok ini berhak mendapat perlindungan dan bantuan dalam segala hal.

Bagaimanapun masih terdapat sebahagian daripada kita tidak menyedari hakikat bahawa kanak-kanak juga mempunyai hak. Justeru, kita masih mendengar mengenai kes penderaan saban waktu.

Berdasarkan data semasa, terdapat 1,301 kes penderaan kanak-kanak secara fizikal dilaporkan di Malaysia tahun lalu. Daripada jumlah itu sebanyak 679 kes membabitkan lelaki dan selebihnya kanak-kanak perempuan. Laporan sama menyebut sejak dua tahun lalu, lebih 300 kes penderaan kanak-kanak berlaku di pusat asuhan selain di dika.

Fakta ini amat merisaukan, terutama bagi pasangan yang bekerja dan perlu meletakkan anak di pusat asuhan. Apatah lagi kategori pusat asuhan itu turut merangkumi taska berdaftar, tidak berdaftar dan rumah pengasuh.

Kita maklum, bagi kes yang berlaku di rumah sendiri, berdasarkan laporan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), punca utama adalah disebabkan oleh masalah ekonomi yang dihadapi ibu bapa.

Anak jadi mangsa luah kemarahan

Sememangnya masalah kewangan akan memberi kesan kepada pasangan berkahwin apatah lagi jika mereka sudah mempunyai anak. Masalah itu bukan hanya akan membebankan mereka, tetapi turut menjejaskan si anak apabila menjadi tempat

ibu bapa melepaskan rasa marah.

Namun, apabila ia turut berlaku di pusat asuhan, tentu sahaja ia lebih membimbangkan.

Mungkin satu daripada puncanya adalah masalah yang dihadapi oleh penjaga. Seperti ibu bapa yang melepaskan kemarahan kepada si anak, penjaga di pusat asuhan juga mampu bertindak sedemikian.

Apatah lagi jika dihimpit masalah sekitar pekerjaan atau tidak berminat untuk menjaga ka-



nak-kanak. Hal ini lebih membimbangkan jika ia berlaku di pusat asuhan itu tidak berdaftar.

Jadi, apakah kaedah terbaik bagi menangani masalah ini? Antara langkah yang boleh diambil adalah mewujudkan program yang komprehensif berdasarkan kepada komuniti setempat mengenai pembangunan kesihatan mental.

Ita perlu juga disertai dengan program khas misalnya kursus kepada mereka yang ingin menjadi pengasuh dengan pendedahan kepada kaedah pengendalian kanak-kanak. Kursus ini mestilah diwajibkan kepada sesiapa sahaja yang ingin mengendalikan atau bekerja di pusat asuhan kanak-kanak.

Kementerian berkaitan juga perlu mengetatkan syarat penubuhan rumah asuhan selain setiap pengasuh mestilah mendapat pendidikan akademik dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-Kanak.

Pada masa sama, kerajaan juga perlu lebih tegas dalam tindakan bagi memastikan setiap rumah asuhan ini berdaftar tidak mengira mereka melakukannya secara sepenuh masa atau separuh masa.

Hal ini mungkin remeh dan menyusahkan, tetapi kita perlu mengutamakan hak kanak-kanak yang bakal ditempatkan di situ.

Selain itu, kerajaan perlu mengenakan denda dan hukuman yang lebih berat jika si pelaku didapati bersalah.

Namun, atas semua langkah itu, perkara yang tidak kurang pentingnya adalah kita sebagai ahli masyarakat juga perlu lebih berperanan. Bukan hendak menjaga tepi kain orang, tetapi kita perlu lebih peka dengan hal yang berlaku di persekitaran kita.

Banyak kes penderaan kanak-kanak yang dilaporkan adalah disebabkan keprihatinan jiran. Justeru, bertindak cepat sebelum terlambat jika mengesan hal yang mencurigakan.